

01 MAR 2003

Mahathir-Langkawi (Bergambar)

DR MAHATHIR CADANG LANGKAWI JADI PUSAT TADBIR K'JAAN NEGERI

LANGKAWI, 1 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kedah supaya menjadikan Langkawi sebagai pusat pentadbirannya.

Dr Mahathir yang membuat cadangan itu secara spontan berkata, ia wajar dipertimbangkan kerana pulau itu lebih maju dan menyaksikan banyak pembangunan.

"Kapal terbang Boeing 747 boleh mendarat di lapangan terbang di sini berbanding hanya 737 di Alor Star. Lagipun, langkah itu menjadikan kedatangan pelancong lebih ramai serta memberikan manfaat kepada penduduk tempatan," katanya pada majlis pecah tanah fasa kedua projek Underwater World di Pantai Cenang, di sini.

Pada masa yang sama Dr Mahathir Mohamad juga meminta penduduk di pulau bebas cukai Langkawi supaya cekap menguruskan kewangan masing-masing supaya tidak menjadi "miskin di pulau yang kaya" ini.

Penduduk pulau peranginan lagenda Mahsuri itu haruslah tidak terlalu seronok menjadi jutawan dalam sekelip mata dengan menjual tanah yang dimiliki.

"Tanah sepatutnya menjadi warisan. Berhati-hatilah apabila menjadi jutawan, jangan menjadi miskin di pulau yang kaya," katanya.

Fasa kedua Underwater World itu, akuarium terbesar di Malaysia akan melibatkan sebuah bangunan tambahan dengan kos RM25 juta yang menempatkan ekosistem Amazonia dan Antartika, sebuah teater 3-dimensi (3D) dan kawasan makan tepi laut.

Ini menjadikan Underwater World Langkawi akuarium pertama di Asia Tenggara yang dilengkapi dengan kemudahan teater 3D. Sejak pembukaannya pada Ogos 1995, seramai 4 juta pelancong telah melawat tempat itu.

-- BERNAMA

MAN MZM ZS PR